

Analysis of the Needs for the Development of Traditional Prose Modules of Multimedia Application for Secondary School Students

Noorzailiza Zainal Abidin¹, Rozita Radhiah Said^{2*}, Ahmad Fauzi
Mohd Ayub³, Azhar Md Sabil⁴

¹Sekolah Menengah Kebangsaan Gemas, 73400 Gemas, Negeri Sembilan, Malaysia,

^{2*,3,4}Faculty of Educational Studies, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor,
Malaysia

*Corresponding Author Email: radhiahrozita@upm.edu.my

To Link this Article: <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBSS/v15-i4/25203> DOI:10.6007/IJARBSS/v15-i4/25203

Published Date: 07 April 2025

Abstract

A needs analysis study was carried out to see the problems and suggestions of BM teachers related to traditional prose learning which led to the need for the development of a traditional prose multimedia module (MPT Module). This study is a case study using sampling aimed at involving four experienced BM teachers using a semi-structured interview method. The results of the qualitative study were obtained based on the analysis process stated by Rosset (1987), namely (i) analysis of student needs, (ii) analysis of the learning environment, and (iii) identification of teaching objectives. The findings from all items in the interviews were analyzed thematically to identify relevant issues and recommendations from the teachers involved in the study. The data is then used as input in the module design phase, which refers to the planning and development of Traditional Prose Multimedia Modules (MPT Modules). Findings from all interview items analysed found (i) the content of the MPT module, (ii) students' problems in traditional prose, (iii) learning strategies of traditional prose works, (iv) module improvement as input in the module design phase. The need for this analysis is important to ensure that the design of the modules produced is suitable for the actual needs and challenges faced in the context of traditional prose teaching. In conclusion, the issues and gaps that exist lead to the need for the development of a traditional prose multimedia module among form two students so that the aspects of knowledge, skills and appreciation of traditional prose works can be improved.

Keywords: Module, Multimedia, Traditional Prose, Students, Needs Analysis

Pengenalan

Sejarah dunia telah membuktikan, kesusastraan mampu membina suatu bangsa yang bertamadun dengan melahirkan masyarakat yang memiliki kehalusan budi dan ketinggian akal. Sastera Melayu klasik dikenali juga prosa tradisional menjadi wadah dan perantaraan

tentang kehidupan masyarakat Melayu. Karya ini diperkenalkan mulai peringkat sekolah menerusi teks KOMSAS (Komponen Sastera) bertujuan menarik minat murid membaca karya sastera klasik. Menerusi pembacaan tentang kisah-kisah hidup masyarakat lalu diharapkan dapat memberikan pelbagai nilai-nilai murni dan ikhtibar untuk dijadikan pedoman hidup. Dalam pada itu, kajian-kajian lepas mendapati bahawa penghayatan murid terhadap karya sastera mampu membentuk akhlak dan melahirkan murid yang berfikiran bijaksana (Suppiah & Hamzah, 2021; Mohamed & Ali, 2021; Jamian, 2023). Oleh hal yang demikian, pembacaan teks KOMSAS dan kajian terhadap karya prosa tradisional menjadi tanggungjawab utama guru dalam proses pengajaran dan murid dalam pembelajaran, agar warisan budaya ini terus dipelihara dan diwarisi oleh generasi akan datang. Penguasaan dan pemahaman terhadap teks-teks ini bukan sahaja penting untuk memastikan kelestarian bahasa dan budaya, tetapi juga untuk mengukuhkan identiti bangsa dalam menghadapi cabaran zaman moden.

Amalan pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan setiap hari di dalam bilik darjah menentukan kualiti sesuatu pengajaran dan pembelajaran KOMSAS. Namun, ketidakupayaan guru memberikan penerangan yang jelas tentang isi pelajaran (Chee *et al.*, 2018) dan kegagalan murid menguasai serta memahami penceritaan dalam teks prosa tradisional menyebabkan mereka kurang meminati karya klasik ini (Hamzah, 2007; Jaamat @ Normi, 2012; Kamarudin, 2013; Ismail *et al.*, 2017; Jamian, 2023). Sesetengah murid beranggapan karya prosa tradisional telah ketinggalan zaman dan kurang relevan dengan masyarakat hari ini. Ayat yang panjang dan berbelit-belit serta penggunaan kosa kata bahasa Melayu klasik (BMK) yang jarang digunakan dalam perbualan harian boleh menyukarkan pembaca untuk memahami dan mengikuti urutan cerita dengan mudah. Struktur ayat yang rumit menambah kesukaran dalam menafsir maksud yang ingin disampaikan, sementara kosa kata BMK yang kurang biasa digunakan dalam percakapan moden boleh menghalang pemahaman pembaca, terutamanya bagi mereka yang tidak terbiasa dengan bahasa lama. Hal ini membuktikan bahawa kaedah pengajaran guru perlu dilaksanakan secara kreatif dan dapat menarik minat murid untuk mempelajari karya prosa tradisional ini.

Selain peranan guru, pemilihan strategi atau kaedah pengajaran dan pembelajaran juga diperlukan untuk menghasilkan kejayaan sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran. Terdapat pelbagai kaedah dilaksanakan bagi memastikan sesi pengajaran dan pembelajaran mencapai objektif yang dirancang. Secara umumnya, kaedah ini memberi kesan kepada murid terutamanya terhadap pencapaian, minat, motivasi dan faktor-faktor lain. Kaedah ini perlu dilaksanakan mengikut perancangan yang rinci agar memperoleh kesan yang optimum kepada murid. Pembelajaran berasaskan modul multimedia merupakan salah satu kaedah pembelajaran yang berteraskan dengan amalan mempraktikkan kemahiran kendiri dalam persekitaran pembelajaran yang berasaskan teknologi (Mohd Razak *et al.*, 2022). Kaedah pembelajaran berasaskan modul multimedia bukanlah perkara asing dalam bidang pendidikan. Pembangunan modul berasaskan teknologi ini dapat membantu guru sebagai pemudah cara mengukuhkan kefahaman serta penghayatan murid terhadap isi pelajaran (Goliang *et al.*, 2020; Ibrahim & Abdul Razak, 2021). Dalam masa yang sama, penghasilan modul multimedia dapat memenuhi keperluan murid mengikuti pembelajaran secara akses kendiri mengikut kemampuan dan gaya pembelajaran murid itu sendiri. Di samping itu, penggunaan modul dapat mengatasi masalah keterbatasan masa, membimbing murid belajar mengikut kesesuaian masa dan lokasi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020). Dengan adanya bahan bantu mengajar (BBM) khususnya untuk pembelajaran prosa tradisional ini

turut membantu guru khususnya guru bukan opsyen dan guru novis mengaplikasikan pembelajaran prosa tradisional dalam bilik darjah dengan lebih berkesan.

Walau bagaimanapun, untuk menyediakan satu modul yang berkualiti dan berkesan bukanlah suatu perkara yang mudah kerana memerlukan perancangan yang teliti dan kos yang tinggi (Mohd Noah & Ahmad, 2005). Menurut Harun & Tasir (2005) pemilihan model yang tepat dalam reka bentuk instruksional membantu dalam proses pembinaan modul yang berkualiti, menarik dan berkesan. Model ADDIE (Rossett, 1987) antara model yang sering menjadi pilihan pengkaji dalam membangunkan modul multimedia (Ab. Wahid, 2019; Gatanagayan & Amzah, 2021; Hamzah & Che Ahmad, 2022). Model ADDIE mempunyai ciri generik dan boleh diubah suai dengan mudah bagi memenuhi keperluan modul. Model ADDIE merupakan akronim kepada *Analysis* (analisis), *Design* (reka bentuk), *Development* (pembangunan), *Implementation* (pelaksanaan), dan *Evaluation* (penilaian). Setiap fasa perlu dilaksanakan dengan teliti yang dimulai dengan fasa analisis. Salah satu fasa penting yang perlu dijalankan bagi menentukan kandungan dalam modul yang akan dilaksanakan adalah analisis keperluan. Fasa analisis keperluan dalam pembangunan modul merupakan pengumpulan maklumat bagi menentukan isi kandungan dan mengenal pasti sumber yang diperlukan dalam proses pembangunan (Jusup & Sharif, 2021; Mokhtar *et al.*, 2022). Kajian analisis keperluan adalah penting dalam menentukan hasil akhir yang sesuai untuk menyelesaikan permasalahan sedia ada agar dapat diselesaikan demi pengajaran yang lebih berkesan.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bagi mendapatkan maklumat untuk membangunkan modul pembelajaran prosa tradisional dengan :

- i. Mengenal pasti masalah murid dalam pembelajaran prosa tradisional.
- ii. Mengenal pasti keperluan isi kandungan yang diperlukan dalam modul MPT.
- iii. Mengenal pasti strategi pembelajaran karya prosa tradisional.

Metodologi

Reka Bentuk Kajian

Kajian kualitatif yang digunakan adalah kajian kes yang menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur. Dalam kajian ini, kaedah temu bual separa berstruktur digunakan untuk memperoleh maklumat yang lebih tepat tentang objektif modul, kumpulan sasaran, dan justifikasi modul yang dibangunkan. Menerusi temu bual sebegini membolehkan pengkaji mendapatkan pandangan guru tentang masalah yang diperoleh dalam pembelajaran prosa tradisional dan memberikan ruang untuk isu ini dibincangkan secara lebih mendalam. Temu bual secara separa berstruktur dilaksanakan bagi memudahkan prosedur kerana penambahan soalan berdasarkan soalan utama dapat membantu pengkaji untuk memperoleh data dengan lebih mendalam di samping memberikan keselesaan kepada guru yang ditemu bual.

Teknik Persampelan dan Saiz Sampel Kajian

Persampelan bertujuan digunakan bagi mengumpul maklumat daripada sekumpulan peserta kajian yang khusus untuk mendapat data yang lebih banyak dan bermakna (Creswell dan Guetterman, 2018). Dalam kajian ini, pengkaji menemu bual empat orang guru bahasa Melayu yang berpengalaman mengajar bahasa Melayu melebihi 10 tahun. Bilangan

responden yang ditemui bual adalah mencukupi berdasarkan kepada pendapat Creswell (2005) yang menyatakan bilangan antara empat hingga 10 responden adalah bersesuaian kerana kajian kualitatif lebih menekankan kepada kedalam dan kekayaan maklumat yang diperoleh daripada setiap responden, bukan kuantiti sampel yang besar. Pengalaman dan kepakaran yang dimiliki oleh responden ini adalah faktor utama yang menjadikan empat sampel tersebut mencukupi. Guru-guru yang berpengalaman ini dapat memberikan pandangan yang mendalam dan berasaskan pengalaman praktikal yang relevan dengan kajian, yang menjadikan maklumat yang diperoleh lebih bermakna. Ini bermaksud, pengkaji tidak perlu menambah lebih banyak responden jika data yang diperoleh sudah mencukupi dan tidak ada tema atau maklumat baru yang muncul selepas temubual dengan responden yang terlibat.

Instrumen Kajian

Pengkaji menyediakan satu set protokol temu bual semi struktur, mengandungi 10 item yang menyentuh tentang isu pengajaran dan pembelajaran prosa tradisional. Protokol ini dibangunkan dengan tujuan untuk mendapatkan maklumat berkenaan isu pengajaran dan pembelajaran prosa tradisional. Soalan-soalan yang dibina berpandukan sumber yang diperoleh menerusi kajian lepas, berfokus kepada aspek-aspek seperti pendekatan pengajaran, cabaran yang dihadapi, dan keperluan untuk modul MPT. Setiap maklumat yang diperoleh akan membantu pengkaji dalam membangunkan kandungan modul MPT melalui analisis keperluan model ADDIE. Kesahan protokol temu bual dilakukan sebelum temu bual dijalankan agar data yang diperoleh tepat dan menepati keperluan kajian.

Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen

Menurut Darusalam & Hussin (2018) pelbagai kaedah boleh digunakan untuk memastikan semua item dalam protokol temu bual mempunyai kesahan yang tinggi. Namun dalam kajian ini, pengkaji mendapatkan pandangan dan penilaian sejumlah pakar luar bagi mengesahkan kandungan protokol temu bual sebagaimana yang disarankan oleh Richey dan Klien (2014). Pakar yang dipilih mempunyai kepakaran dalam bidang bahasa Melayu dan bidang penyelidikan kualitatif. Protokol temu bual telah dinilai oleh tiga orang pakar seperti dalam **Jadual 1**.

Jadual 1

Senarai Pakar Protokol Temu Bual

Bil	Nama	Institusi / Sekolah	Jawatan dan Kelayakan	Kepakaran
1	Pakar A	Universiti Awam	Dr (Pensyarah)	Pengajian Bahasa Melayu dan KM / Penyelidik Kualitatif
2	Pakar B	Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)	SISC+ (<i>School Improvement Specialist Coaches</i>)	Master (Pengajian Bahasa Melayu dan Kesusastraan Melayu)
3	Pakar C	Sek Men Keb	Guru Cemerlang	Bahasa Melayu dan Kesusastraan Melayu

Penilaian kesahan kandungan protokol temu bual ini juga menggunakan kaedah pengiraan peratus (*Percentage Calculation Method, PCM*). Pakar penilai diminta memberikan rating skor satu (1) hingga lima (5) pada setiap item protokol temu bual pada bahagian yang disediakan dalam borang pakar penilai. Hasil analisis kesahan protokol temu bual dalam **Jadual 2** menunjukkan tahap kesahan kandungan melebihi 70 peratus iaitu 94.7 peratus,

boleh diterima dan mempunyai kesahan yang tinggi (Tuckman & Waheed, 1981; Mohd Noah & Ahmad, 2005).

Jadual 2

Kesahan Kandungan Protokol Temu bual

Item	Penilai 1	Penilai 2	Penilai 3
10	91	98	95
Peratus Kesahan kandungan (100%)			94.7
Pekali Kesahan kandungan (1.00)			0.95

Setiap komen diambil dan penambahbaikan terhadap protokol temu bual dibuat oleh pengkaji bagi memastikan data yang diperoleh menepati keperluan kajian. Selain itu, terdapat beberapa aspek yang memerlukan penambahbaikan seperti memperincikan item agar lebih jelas bagi membantu pengkaji memperoleh data yang lebih tepat.

Manakala, kebolehpercayaan data protokol temu bual dilihat menggunakan kaedah Indeks Kebolehpercayaan Cohen Kappa (K) menggunakan formula seperti yang berikut :

$$K = \frac{fa - fc}{N - fc}$$

fa – unit persetujuan

fc – 50% jangkaan persetujuan

N – bilangan unit yang diuji nilai persetujuan

(Sumber : Ghazali dan Sufean, 2018)

Manakala, Landis dan Koch (1997) telah meletakkan nilai kebolehpercayaan persetujuan Indeks Cohen Kappa (K) seperti yang berikut :

Skor Indeks Cohen Kappa	Interpretasi Kebolehpercayaan
0.88	sangat baik
0.4-0.75	sederhana
nilai di bawah 0.4	lemah

(Sumber : Ghazali dan Sufean, 2018)

Bagi menentukan kebolehpercayaan protokol temu bual, pengkaji mendapatkan nilai pekali persetujuan Indeks Cohen Kappa dengan nilai persetujuan ketiga-tiga pakar. **Jadual 3** menunjukkan nilai persetujuan Cohen Kappa.

Jadual 3*Nilai Persetujuan Cohen Kappa*

Pakar 1	Pakar 2	Pakar 3	Cohen Kappa Keseluruhan
17 - 10 K = ----- 20 - 10 7 K = ----- 10	19 - 10 K = ----- 20 - 10 9 K = ----- 10	18 - 10 K = ----- 20 - 10 8 K = ----- 10	0.70 + 0.90 + .80 K = ----- 3 2.4 K = ----- 3 K = 0.80 K = 0.80

Secara keseluruhannya, protokol temu bual yang dibangunkan ini mempunyai tahap konsistensi pengekodan data yang tinggi dengan indeks kebolehpercayaan Cohen Kappa, $K = 0.80$. Hal ini kerana nilai kebolehpercayaan yang melebihi 0.75 menunjukkan darjah persetujuan yang sangat baik dan sesuai digunakan dalam sesuatu kajian (Landis dan Koch, 1997). Menurut Mahamod & Mohd Ishak (2003) tujuan analisis Indeks Cohen Kappa digunakan untuk menentukan darjah persetujuan unit analisis dengan tema yang dikaji. Proses ini dilakukan dengan memadankan senarai tema dan subtema dengan definisi operasi untuk dinilai kebolehpercayaannya.

Teknik Pengumpulan Data

Temu bual secara separa berstruktur dilaksanakan bagi memudahkan prosedur dan memberikan keselesaan kepada guru yang ditemu bual. Kaedah temu bual separa struktur dilaksanakan bagi memperoleh maklumat dengan lebih tepat (DeJonckheere dan Vaughn, 2019). Dalam konteks kajian ini, pengkaji hanya menggunakan kaedah temu bual dan kaedah ini turut dilaksanakan oleh Mohd Mokhtar (2022) dan Mohd Nadzri (2023) bagi menentukan objektif modul, kumpulan sasaran dan justifikasi modul dibangunkan bagi menangani isu yang timbul. Temu bual ini mengambil masa lebih kurang satu jam untuk setiap peserta kajian.

Analisis Data

Data kajian dianalisis secara tematik agar dapat mengektrak data yang mampu menjawab persoalan kajian (Fleming, dan E. Zegwaard, 2018). Data yang telah dikumpulkan dianalisis satu persatu melalui jadual pengkodan bagi membantu pengkaji mengenal pasti isi kandungan yang perlu dibangunkan dalam modul MPT. Kaedah analisis kandungan atau kaedah analisis kualitatif digunakan dengan membahagikan data-data kepada tema-tema tertentu (Darusalam & Hussin, 2018). Terdapat 18 kod yang diekstrak daripada data transkrip dan kemudian dihimpunkan bagi membentuk tema iaitu pengekodan analitik. **Jadual 4** menunjukkan tema dan kod yang telah diperoleh.

Jadual 4

Kod dan Tema

Kod	Tema
Tidak faham, tidak fokus, tidak seronok, kurang menarik	Masalah 3M
Ciri dan konsep, kosa kata klasik, elemen sastera, cerita semula	Konsep asas prosa tradisional
Buku teks, Didik Hibur, Modular, peta pemikiran (<i>i-think</i>)	Strategi pembelajaran prosa
Teknologi dan telefon pintar, teks dan DSKP terkini, tradisional imej berwarna, QR Code, animasi	

Dapatan Kajian Dan Perbincangan*Masalah Murid dalam Prosa Tradisional*

Menerusi sesi temu bual yang dijalankan kepada guru berpengalaman ini, mereka bersepakat bahawa untuk menghasilkan modul yang berkualiti, masalah murid dalam pembelajaran prosa tradisional perlu diketahui. Berdasarkan temu bual ini didapati tema masalah pembelajaran menjadi faktor utama kesukaran memahami prosa tradisional. Dapatan kajian diperjelaskan melalui contoh transkrip temu bual peserta kajian seperti berikut:

"...tapi katanya tak faham ayatnya...Apa lagi yang tingkatan 4 dan 5... (TB1/PK1/B20-B24)

"...sekolah saya ni ramai murid bukan Melayu... yang Melayu pun susah nak faham apa ...lagipun, guna buku teks je...bosan juga... (TB1/PK3/B28-B31)

"...mereka tak fokus masa belajar prosa tradisional... sebab katanya cerita guna buku teks ni tak seronok... (TB1/PK4/B36-B38)

Menurut PK1 dan PK3, masalah utama dalam pembelajaran prosa tradisional ialah tidak memahami kosa kata klasik. Hal ini menyebabkan mereka tidak fokus semasa guru mengajar seperti yang dinyatakan oleh PK4. Cerita prosa tradisional dalam buku teks dikatakan kurang menarik dan kurang menyeronokkan untuk dijadikan bahan bacaan mereka (PK3 dan PK4). Tambahan lagi, PK2 menyatakan bahawa masih terdapat murid yang tidak menguasai 3M dan kemahiran bahasa yang memberi kesan kepada pembelajaran prosa tradisional. Permasalahan ini dapat membantu pengkaji untuk menentukan reka bentuk kandungan dan aktiviti yang dapat memenuhi keperluan murid bagi menangani masalah yang dihadapi mereka dalam sesi pembelajaran prosa tradisional. **Jadual 5** memaparkan cadangan reka bentuk kandungan aktiviti yang bersesuaian dengan keperluan murid.

Jadual 5

Masalah Murid

Tema	Subtema	Aktiviti dalam Modul	
Masalah pembelajaran	Tidak faham	Aktiviti menarik perhatian murid	Aktiviti / Reka bentuk modul MPT
	Tidak fokus		
	Tidak seronok		
	Kurang menarik		

Keperluan Isi Kandungan dalam Modul MPT

Selain itu, mereka bersepakat bahawa untuk memahami karya prosa tradisional, murid perlu diberikan pengetahuan tentang konsep asas prosa tradisional. Berdasarkan dapatan temu bual pengkaji terhadap keempat-empat peserta kajian menunjukkan tema konsep asas prosa tradisional perlu difahami dan dipelajari bagi memenuhi keperluan isi kandungan modul. Dapatan kajian diperjelas melalui contoh transkrip temu bual PK1, PK2, PK3 dan PK4 seperti yang berikut :

PK1 menyatakan bahawa: "...*kosa kata klasiklah yang susahnya, faham dulu baru tahu cerita...*" (TB1/PK1/B27-B29) PK1 menjelaskan bahawa murid perlu mengetahui konsep asas seperti kosa kata klasik sebelum memahami teks prosa tradisional. Dapatan PK1 turut disokong oleh PK3 yang menyatakan bahawa "... *memang kena ajarkan bahasa klasik tu dari menengah rendah lagi...*" (TB1/PK3/B39-B41)

Sebelum mempelajari prosa tradisional, konsep tentang elemen sastera dan ciri-ciri asas tentang prosa tradisional juga penting dipelajari seperti yang dijelaskan oleh PK2 seperti "...*akak terang dulu ciri-ciri dan maksud prosa tradisional...*" (TB1/PK2/B41-B44) manakala PK4 menjelaskan bahawa "...*setahu sayalah, kat DSKP tingkatan satu dan dua je belajar tema, persoalan...yang elemen sastera ni. Kena fahamkan dulu bahagian tu...tak faham cerita, murid tak boleh cerita semula...*" (TB1/PK4/B52-B54).

Dapatan ini menunjukkan semua guru sepakat bahawa konsep asas prosa tradisional seperti ciri-ciri dan maksud prosa tradisional, bahasa klasik dan kosa kata klasik, elemen sastera dan cerita semula boleh dijadikan isi kandungan modul MPT dengan merujuk DSKP bahasa Melayu tingkatan dua seperti yang terdapat dalam **Jadual 6**.

Jadual 6

Isi Kandungan Modul MPT

Tema	Subtema	Keperluan Isi Kandungan Modul MPT
Konsep asas prosa tradisional	Ciri dan maksud prosa tradisional	Kenali prosa tradisional
	Bahasa klasik/ kosa kata klasik	Memahami kosa kata klasik
	Elemen sastera	Memahami dan menganalisis elemen sastera
Cerita semula		Menghasilkan karya kreatif

Strategi Pembelajaran Karya Prosa Tradisional

Dapatkan kajian mendapati PK1 dan PK2 bersetuju bahawa strategi pembelajaran prosa tradisional menggunakan buku teks menjadi rujukan utama. Contoh transkrip temu bual adalah seperti berikut:

PK1 menjelaskan bahawa "...memang saya tahu banyak strategi mengajar prosa klasik ni, tapi buku teks dan buku rujukan penting..." (TB1/PK1/B51-B53) manakala PK2 turut mencadangkan agar kaedah didik hibur diaplikasikan dalam pembelajaran prosa tradisional dengan menyatakan bahawa

"...tapi buku teks yang KPM bekalkan mesti guna...kira macam kitablah... kalau akak, suka gunakan didik hibur, nyanyi-nyanyi ni memang murid suka..." (TB1/PK2/B53-B57)

Dalam pada itu, PK3 mencadangkan agar pembelajaran prosa tradisional lebih menarik jika menggunakan modul seperti yang dinyatakan "...pendekatan modular tu dah bagus...mudah kita nilai kemahiran anak murid...buat modul le... senang murid faham...tak faham mereka ulang-ulang, kita pantau je..." (TB1/PK3/B50-B52) Manakala PK4 menyatakan bahawa "...pengalaman saya ambil masa seminggu untuk fahamkan cerita...saya galakkan mereka buat peta i-think yang peta alir tu...untuk fahamkan cerita..." (TB1/PK4/B46-B49).

Dalam pada itu, hasil temu bual juga mendapati bahawa semua peserta kajian mencadangkan agar penggunaan teknologi dapat dijadikan sebagai strategi pembelajaran prosa tradisional dan bertepatan dengan dunia pendidikan masa kini.

PK1 mencadangkan bahawa "...murid sekarang ni majoriti ada telefon pintar, saya cadangkan modul tersebut dapat dihasilkan guna teknologi..." (TB1/PK1/B66-B70) manakala PK2 mencadangkan agar buku teks KOMSAS dibangunkan dalam bentuk e-book sebagaimana buku teks digital kini seperti yang dinyatakan "...sekarang, buku teks semua dah guna e-book...apa kata buku teks KOMSAS jadikan e-book pula..." (TB1/PK2/B73-B75). Manakala, PK3 dan PK4 mencadangkan penggunaan multimedia melalui animasi, imej berwarna, penggunaan QR Code dapat membantu murid belajar secara kendiri melalui kemudahan telefon pintar murid (PK 1). **Jadual 7** memaparkan cadangan penambahbaikan modul sedia ada agar bertepatan dengan keperluan murid dan kaedah pembelajaran abad 21.

Jadual 7

Strategi Pembelajaran Prosa Tradisional dalam Modul MPT

Tema	Keperluan Reka bentuk Kandungan Modul MPT
Buku teks	Mengikut teks dan DSKP terkini
Didik Hibur	Pendekatan Modular
Pendekatan Modular/ Modul	Kaedah Didik Hibur
Peta pemikiran (<i>i-think</i>)	Penggunaan Multimedia
Penggunaan teknologi dan telefon pintar	Peta pemikiran (KBAT)
Penggunaan teknologi dan telefon pintar	Imej berwarna, QR Code, animasi

Kesimpulan

Kajian ini dijalankan untuk melihat keperluan bagi pembangunan modul pembelajaran kendiri atau dikenali sebagai modul MPT bagi murid tingkatan dua. Objektif kajian ini untuk mengenal pasti keperluan pembangunan modul daripada perspektif guru dan strategi pembelajaran yang dapat menarik minat murid mempelajari prosa tradisional. Maklumat yang diperoleh dapat membantu pengkaji bagi meneruskan fasa reka bentuk kandungan modul atau dikenali fasa kedua iaitu reka bentuk (*design*). Penerapan elemen multimedia seperti video, audio dan animasi dalam pembangunan modul menjadi pilihan utama guru pakar di samping penggunaan teknik didik hibur yang berkONSEPkan bermain sambil belajar bersesuaian dengan murid tingkatan dua. Analisis ini turut membantu bagi memastikan modul MPT yang dihasilkan berkualiti sebagai medium terkini dalam pembelajaran prosa tradisional. Penghasilan modul ini dapat meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan nilai penghayatan murid terhadap karya prosa tradisional sebagaimana yang diperlukan dalam aspirasi murid menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025).

Rujukan

- Ab. Wahid, N. T. (2019). *Development of a problem-posing multimedia module and its effectiveness to enhance student performance in from four biology*. (Unpublished doctoral dissertation). Universiti Putra Malaysia.
- Chee, J., Md Nor, M., Othman, A. J., & Abdul Rahman, M. N., (2018). Isu pengetahuan kandungan, pedagogi dan teknologi dalam kalangan guru prasekolah. *Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik*, 6(1), 7-21.
- Creswell, J., & Guetterman, T. (2018). *Educational research : Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research* (6th ed.). Pearson.
- Creswell, J. W. (2005). *Research design: Qualitative and quantitative approaches*. Sage
- Darusalam, G., & Hussin, S. (2018). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan: Amalan dan analisis kajian*. Universiti Malaya.
- DeJonckheere, M., & Vaughn, L. M. (2019, January 23). *Semistructured interviewing in primary care research: a balance of relationship and rigour*. Family Medicine and Community Health.
[https://www.researchgate.net/publication/339828229_Semistructured_interviewing_i
n_primary_care_research_a_balance_of_relationship_and_rigour](https://www.researchgate.net/publication/339828229_Semistructured_interviewing_in_primary_care_research_a_balance_of_relationship_and_rigour)

- Fleming, J., & Zegwaard, K. E. (2018). Methodologies, methods and ethical considerations for conducting research in work-integrated learning. *International Journal of Work-Integrated Learning*, 19(3), 205-213.
- Gatanagayan, T., & Amzah, F. (2021). A need analysis of kadimel module for the malay vocabulary learning among vocational college students in Malaysia. *International Journal Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(5), 842-861.
- Goliong, L., Kasin, A., Johnny, M., & Yulip, N. G. (2020, May 6). *Cabaran pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran jarak jauh (PDPCJJ) semasa perintah kawalan pergerakan (PKP)*. PPD Ranau. https://www.academia.edu/43147586/Cabaran_Pelaksanaan_Pengajaran_dan_Pembelajaran_Jarak_Jauh_PDPCJJ_Semasa_Perintah_Kawalan_Pergerakan_PKP
- Hamzah, R. R., & Che Ahmad, A. (2022). Reka bentuk dan pembangunan MyScore pemulihan dalam meningkatkan kemahiran membaca bahasa Melayu murid pemulihan khas. *International Journal of Education and Training (InjET)* 8(2), 1-8.
- Hamzah, Z. A. Z. (2007). *Bahasa Melayu di persimpangan globalisasi dalam bahasa Melayu wahana pembangunan negara*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Harun, J., & Tasir, Z. (2005). *Pengenalan kepada multimedia*. Venton Publishing.
- Ibrahim, S. A., & Abdul Razak, K. (2021). Pandemik covid-19: cabaran dan impak dalam pendidikan Islam dan pembelajaran murid. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education*, 5(1), 127-138.
- Ismail, M. A., Sha'ri, S. N., Dani, N., Nik Muhamad Affendi, N. R., & Kamaruddin, R. (2017). Tahap pemahaman teks KOMSAS dalam kalangan pelajar orang Asli, di SMK Mengkarak, Bera, Pahang. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 4(2), 108-119.
- Jaamat@ Normi. (2012). *Aplikasi multimedia interaktif terhadap masalah pemahaman plot prosa tradisional ‘Hikayat Marakama’ dalam teks antologi Kasut Kelopak Jantung, KOMSAS tingkatan 1*. (Projek ilmiah tahun akhir). Universiti Putra Malaysia.
- Jamian, A. R. (2023). Penggunaan bahan komponen sastera dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 11 (1), 89 -99.
- Jusup, Y., & Sharif, S. (2021). Kajian analisis keperluan: Pembangunan modul pembelajaran literasi tenaga pengintegrasian STEM sekolah rendah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(8), 325-338.
- Kamarudin, U. N. (2013). *Permasalahan memahami teks prosa tradisional KOMSAS dalam kalangan murid tingkatan 4*. (Projek ilmiah tahun akhir). Universiti Putra Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). *Manual pengajaran dan pembelajaran di rumah*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Landis, J. R., & Koch, G.G. (1997). The measurement of observer agreement for categorical data. *Biometrics*, 1, 159-174.
- Mahamod, Z., & Mohd Ishak, N. (2003). *Analisis cohen kappa dalam penyelidikan bahasa – satu pengalaman*. Kertas kerja seminar penyelidikan guru peringkat kebangsaan. Bahagian Pendidikan Guru, KPM. Kuching, 19 – 20 Ogos.
- Mohamed, R. A. K., & Ali, A. H. (2021). Implikasi elemen sastera Melayu terhadap perkembangan kognitif murid dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah di sekolah endah. *Jurnal Dunia Pendidikan*. 3(4), 116-126
- Mohd Mokhtar, M. A. (2022). *Pembangunan dan Keberkesanan Modul Berayat Matematik terhadap Pencapaian Matematik Murid Tahun Empat Sekolah Rendah*. (Tesis Doktor Falsafah). Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.

- Mohd Nadzri, A. Y. N., Ahmad Fauzi Mohd Ayub, A. F., & Zulkifli, N. N. (2023). The Effect of Using Augmented Reality Module in Learning Geometry on Mathematics Performance among Primary Students. *International Journal of Information and Education Technology*, 13 (9), 1478-1486.
- Mohd Noah, S., & Ahmad, J. (2005). *Pembinaan modul : Bagaimana membina modul latihan dan modul akademik*. Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Razak, N. R., Mat Daud, A. N., Ariffin, N. H., Abdullah, N., & Hasim, N. (2022). Development of a WAO learning module for the absorption topic of year one science. *Journal of Science and Mathematics Letters*, 10, 51–62.
- Mokhtar, A., Mohd Ayub, A. F., Mustakim, S. S., & Said, R. R. (2022). The effectiveness of the CLEAR module in improving year four pupils' procedural and conceptual knowledge of fractions titles in Urban school. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(7), 1071-1083.
- Richey, R. C., & Klein, J. D. (2014). Design and development research. J. M. Spector et al. (Eds.), *Handbook of Research on Educational Communications and Technology*, 141–150. <https://doi.org/10.1007/978-1-4614-3185-5>
- Suppiah, E. M., & Hamzah, N. (2021). Analisis elemen menjana minda falsafah pendidikan Kesusasteraan Melayu dalam teks cerpen moden Kesusasteraan Melayu Komunikatif. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 11(2), 45-55
- Tuckman, B. W., & Waheed, M. A. (1981). Evaluating and individualized science programme for community college students. *Journal of Research in Science Teaching*, 18, 489-495.